

WALAU PUN tanpa kehadiran pemimpin kontroversi Cuba, Presiden Fidel Castro, sidang kemuncak NAM kali ini tetap mendapat perhatian dunia dengan diplomat serta pemimpin kuasa besar menantikan ucapan dan pandangan yang dikemukakan delegasi.

Mereka menunggu ucapan dua tokoh yang menjadi seteru Amerika Syarikat (AS), iaitu Presiden Hugo Chaves dan Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad yang sentiasa lantang mengkritik dasar pentadbiran George Bush dan negara sekutunya.

Tanpa Castro persidangan tetap membara dengan Bush, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan kuasa besar lain menjadi 'beg tumbukan' (punching bag) ramai pemimpin yang hadir kali ini.

Selain mendesak masyarakat antarabangsa bersatu menentang dasar unilateral, delegasi juga mahu supaya, konflik Asia Barat, khususnya kependudukan Israel di Palestin dan Lubnan serta penaklukan Iraq diselesaikan segera.

Mereka juga mahu isu nuklear Iran dan ancaman sekatan terhadap negara itu diselesaikan dan dunia tidak mengamalkan sikap berat sebelah dalam menangani isu itu, selai melihat secara teliti untuk mengatasi isu kegiatan pengganas antarabangsa.

Sidang kemuncak kali ini juga menjadi sidang Chavez yang bukan saja mengkritik Bush, malah lebih jauh daripada itu apabila dalam salah satu persidangan akhbarinya di Havana beliau berikrar akan membantu Iran dan Cuba jika diserang.

Namun, ramai diplomat berpendapat sukar bagi NAM untuk mengubah pendirian angkuh kuasa besar berhubung semua isu berkenaan. Bagi mereka jika PBB sendiri tunduk kepada kehendak kuasa besar, mana mungkin NAM yang mewakili negara membangun dengan kebanyakannya masih bertaraf miskin mampu mengubah keadaan.

Seorang diplomat dari Amerika Latin berkata: "Kita ada Castro, Chavez dan Ahmadinejad yang secara terang dan lantang mengkritik kuasa besar. Kita juga ada negara anda (Malaysia) yang amat disanjung kerana peranan pemimpinnya selama ini memperjuangkan kepentingan negara, Selatan.

"Namun, apa yang kita peroleh selama ini. Hampir tiada kemajuan. Sebenarnya tidak banyak yang dapat kita lakukan. Puncanya kerana kita sendiri tidak bersatu."

Pandangan itu memang ada kebenarannya. Perpaduan negara yang ditekan dan menghadapi masalah sangat rapuh sehingga mudah diperkotak-katik. Dunia Arab torus bertelagah sesama sendiri, manakala puak perbezaan ideologi politik dan mazhab agama sukar disatukan.

Bagaimanapun, ada delegasi berpendapat, NAM masih relevan dan mempunyai peranan sama ada pada peringkat luar atau kerjasama negara anggota. Banyak yang boleh dilakukan untuk kepentingan bersama.

Selain kerjasama politik dan perdagangan, negara anggota perlu menjalin kerjasama teknikal dengan menyalurkan bantuan kepada negara yang memerlukan bantuan sama ada dalam bidang ekonomi dan Pembangunan sosial.

Dalam hal ini Malaysia memang sudah sekian lama membantu bukan saja negara

Cuba mampu kekal agenda NAM

FAKTA

NAM ketika dipengerusikan Malaysia

Deklarasi Kuala Lumpur - Ke arah Penyuburan NAM

- Biro Koordinasi NAM - menyusun rangka kerja berkaitan keamanan dan keselamatan antarabangsa.
- Mendesak peletakan senjata di wilayah bergolak.
- Mengutuk keganasan antarabangsa
- Memperjuangkan hak asasi manusia
- Mendesak pembaharuan dan penyusunan semula PBB.

Troika NAM (Dianggotai Afrika Selatan, Malaysia dan Cuba)

- Pertemuan di New York, Paris, Putrajaya, Cape Town.
- Melawat Iran berhubung isu program nuklear untuk keamanan.
- Mengadakan rundingan secara tahunan dengan Kesatuan Eropah (EU) sebagai acara sampingan di Perhimpunan Agung PBB.

Aktiviti lain

- Meningkatkan kerjasama dengan Selatan, G77 dan China.
- Meneruskan usaha mengadakan hubungan dan interaksi dengan kumpulan lain seperti G8.
- Persidangan Peringkat Menteri NAM di Durban.
- Mesyuarat Khas Peringkat Menteri Mengenai Palestin di Putrajaya.
- Mesyuarat Peringkat Menteri Mengenai Pembangunan Wanita.
- Persidangan Keenam Menteri Penerangan di Kuala Lumpur.
- Delegasi Menteri NAM diketuai Malaysia mendesak mencari penyelesaian segera berhubung konflik Palestin-Israel, termasuk Pelan Damai di Timur Tengah.
- Penubuhan Institut Pembangunan Wanita NAM (NIEW).
- Penubuhan Agensi Berita NAM bagi mengedar dan pengagihan berita.
- Pelancaran Majlis Perniagaan NAM bagi meningkatkan sumbangan dan kerjasama sektor swasta.
- Persidangan Antarabangsa Pertubuhan dan Persatuan Bukan Kerajaan Mengenai Keamanan Palestin.

anggota NAM, malah di seluruh dunia, khususnya negara membangun dengan menerima kunjungan dari negara tertentu untuk mempelajari kemahiran yang kita miliki.

Mengenai kejayaan, Malaysia selaku pengerusi NAM selama tiga tahun tujuh bulan sebelum menyerahkannya kepada Cuba, Jumaat lalu, ia tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Selepas Deklarasi Kuala Lumpur pada NAM ke-13 pada 2003, banyak yang dilakukan oleh kita.

Kejayaan itu terbukti dan mendapat pengiktirafan Cuba akan berusaha meneruskan usaha penyuburan, seterusnya memastikan fungsi NAM diterima dunia dalam usahanya membantu negara anggota serta mewujudkan keamanan di seluruh dunia.

Seperti Malaysia, Castro bertekad untuk meneruskan kesinambungan matlamat NAM berdasarkan prinsip pergerakan itu dan memastikan negara anggota dan bukan anggota mampu bersaing dalam dunia masa kini yang berat sebelah.

Apa pula sumbangan kita selepas ini? Ia tidak perlu dibimbangi kerana sebagai bekas pengerusi, Malaysia akan secara automatik menjadi anggota Troika NAM yang dianggotai tiga negara selain Cuba dan Mesir (yang baka) menjadi pengerusi NAM selepas ini.

Menerusi Troika, Malaysia melalui kumpulan kecil itu akan membincangkan secara berterusan pelbagai isu yang ada kaitan dengan kepentingan NAM tanpa perlu memanggil semua 118 anggota, sekali gus akan terus aktif dalam NAM.

Bagaimana pula sumbangan dan tugas NAM selanjutnya. Apa yang perlu dilakukan oleh pergerakan yang berusia hampir 50 tahun itu. Adakah Castro yang masih berehat selepas pembedahan dan menyerahkan kepemimpinan negara kepada adiknya, Raul mampu melaksanakan tugasnya.

Jawapannya sukar diramal. Namun, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menampilkan beberapa isu yang perlu dijadikan panduan dan matlamat untuk dicapai.

Memang benar cabaran dan perjuangan NAM masih banyak kerana saki baki penjajahan masih wujud dalam bentuk yang halus tetapi mampu mendatangkan kece-

lakaan lebih teruk daripada penjajahan pada era imperialisme.

Amalan amalan dan dasar ala apartheid muncul di wilayah Palestin. Konflik persenjataan dan peperangan masih berlaku di serata dunia yang malangnya banyak memabatkan negara anggota NAM.

Ancaman kemusnahan akibat nuklear tidak berkurangan dengan beratus ribu senjata nuklear masih wujud. Dunia juga terus menyaksikan tindakan unilateralisma dan penghakisan undang-undang antarabangsa serta piagam PBB," katanya.

Saranan Abdullah supaya agenda NAM sedia ada dikekalkan perlu diberikan perhatian oleh NAM. Antaranya, penentangan terhadap ketidakadilan, ketidakadilan, eksploitasi politik dan ekonomi, ketidakadilan perdagangan, dominasi kuasa besar, ancaman senjata pemusnah besar, campur tangan dan kekerasan, pencabulan hak asasi manusia, kemunduran sosio-ekonomi serta ancaman keganasan antarabangsa

Bagi memastikan agenda itu dicapai, ramai yang setuju supaya negara anggota menzahirkan sokongan dan perpaduan terhadap negara yang diancam seperti Lubnan dan bersatu serta memberikan sokongan ke arah keadilan dan keamanan di Palestin yang diduduki Israel.

Pandangan beliau supaya NAM mengenalpasti ruang baru yang mempunyai kepentingan bersama, program dan aktiviti bagi mengembangkan skop perhubungan dan interaksi serta mengukuhkan kerjasama seperti dalam bidang sosioekonomi serta pembangunan perlu diberikan perhatian oleh Cuba.

Kini terserah kepada Fidel ataupun adiknya Raul untuk menerajui NAM. Malaysia sudah meletakkan asas kukuh untuk mereka meneruskan perjuangan. Kelantangan dan keberanian Cuba, khususnya Fidel mungkin menyebabkan kita tidak begitu risau, tetapi sama ada NAM mampu melaksanakannya terserah kepada negara anggota.

Mampukah NAM terus kekal relevan untuk mengubah persekitaran dunia bagi kepentingan negara anggota atau adakah suara pertubuhan kedua terbesar di dunia selepas PBB itu akan didengar. Soalan itu sukar dijawab kerana hanya masa saja yang akan menentukannya.